

# Tiada dua ekonomi: PM

BH 1 JAN 1992

KUALA LUMPUR, Jumaat — Kerjasama Bumiputera dan bukan Bumiputera bukan saja perlu dalam usaha mencapai matlamat Dasar Pembangunan Nasional (DPN) tetapi juga baik untuk kestabilan politik dan negara.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir ~~Mo-hamad~~, berkata ekonomi Bumiputera dan bukan Bumiputera juga mesti dipadukan untuk mengelak perasaan irihati.

"Hakikatnya ialah kita tidak boleh mengadakan dua ekonomi yang berasingan dalam negara kita," katanya merasmikan Kongres Ekonomi Bumiputera Ke-3 di sini, hari ini.

Sehubungan itu, beliau berkata, penyertaan bukan Bumiputera dalam Kongres Ekonomi Bumiputera Ke-3 akan membolehkan mereka lebih memahami hasrat kongres.

"Ini ialah kerana bukan Bumiputera boleh berfungsi untuk menjayakan atau menggagalkan segala rancangan.

"Satu daripada sebab kegagalan DEB ialah pendekatan yang diambil oleh bukan Bumiputera, iaitu mereka lebih suka rakan Bumiputera tidak menerima risiko perdagangan dan tidak aktif dalam pengurusan," katanya.